

MODUL CEMERLANG SET 4		
TINGKATAN	PEL	TAJUK
4	PEL 12	Waqiyyah (Benar dan Nyata)
4	PEL 13	Alamiyyah (Sawarjagat)
4	PEL 14	Murunah ( Luwes )
5	PEL 7	Asas dan Pertimbangan Penyelesaian Masalah Menurut Islam.

PELAJARAN 12 WAQI'IYYAH

- 1 Waqi'iyah bermaksud \_\_\_\_\_
- praktikal, mampu diamalkan oleh semua manusia
  - Islam agama yang sesuai bagi semua manusia
  - Islam agama yang lengkap dan sempurna.
  - tetap, teguh dan tidak berubah

- 2 Berikut adalah prinsip waqi'iyah kecuali \_\_\_\_\_
- menekankan kesamarataan
  - menekankan kesederhanaan
  - menyelesaikan masalah
  - Praktikal bukan utopia

- 3
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Realiti bukan khayalan</li> <li>• Menyelesaikan masalah</li> <li>• Menekankan kesederhanaan</li> </ul> |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada

- prinsip Syumuliyyah
- kelebihan Murunah
- prinsip Waqi'iyah
- ciri-ciri Alamiyyah

- 4
- |  |
|--|
| X  |
| Bersifat praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia |

Merujuk kepada pernyataan di atas, X ialah

- Rabbaniyyah
- Syumuliyyah
- Waqi'iyah
- Murunah

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

Kreatif	Inovatif	Wahyu	Mukjizat
A	B	C	D

- 5 Sifat sesuatu yang diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan sebagainya yang baru.  
\_\_\_\_\_
- 6 Mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. \_\_\_\_\_

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang **BETUL**.

Tandakan ( ✗ ) pada pernyataan yang **SALAH**.

- 7 Al-Quran dan al-Hadis merupakan sumber rujukan utama dalam menyelesaikan masalah.
- 8 Islam menggalakkan umatnya berusaha untuk mencari kehidupan di dunia dengan tidak melupakan akhirat.
- 9 Penyelesaian masalah dalam Islam hanya boleh diselesaikan oleh akal sahaja.
- 10 Kelebihan Islam tidak sekadar berkaitan dengan aspek material tetapi juga meliputi aspek sosiologi.

<b>JAWAPAN PELAJARAN 12</b>				
1	A	6	A	10
2	A	7	✓	
3	C	8	✓	
4	C	9	✗	
5	B	10	✓	

KERTAS 2

1 a (i) Nyatakan maksud waqi'iyah [2 markah]

---



---

(ii) Jelaskan tiga prinsip waqi'iyah [4 markah]

---



---



---

b (i) Agama Islam bersifat praktikal dan tidak membebankan umatnya. [4 markah]

Jelaskan **dua** bukti bahawa agama Islam bersifat praktikal dalam aspek ibadah.

---



---



---

PERATURAN PEMARKAHAN

1	a	(i)	Maksud waqi'iyah ialah agama Islam bersifat realiti / praktikal / mampu diamalkan oleh semua golongan manusia	1x2M [2 markah]
		(ii)	Tiga prinsip waqi'iyah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Agama Islam bersifat praktikal bukan utopia.</li> <li>- Agama Islam mampu menyelesaikan masalah manusia .</li> <li>- Agama Islam bersifat sederhana Agama Islam menggalakkan umatnya berfikiran positif / inovatif / kreatif / kritis</li> </ul>	2x2M [4 markah]
	b	(i)	Dua bukti bahawa agama Islam bersifat praktikal dalam aspek ibadah. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Umat Islam boleh menunaikan solat mengikut kemampuan /(I) contohnya solat dalam keadaan duduk bagi orang sakit/ (H)</li> <li>- Umat Islam boleh solat jamak / qasar /(I) apabila bermusafir/ (H)</li> <li>- Umat Islam boleh meninggalkan ibadah puasa/ (I) jika uzur/sakit/ (H)</li> </ul>	2x2M [4 markah]

PELAJARAN 13 **ALAMIYYAH**

- 1 'Alamiyyah bermaksud \_\_\_\_\_  
A nyata  
B lengkap  
C praktikal  
D sarwajagat
- 2 Berikut adalah prinsip 'Alamiyyah kecuali \_\_\_\_\_  
A Nilai keadilan Islam bersifat sejagat  
B Islam menjamin hak asasi manusia  
C Hak asasi manusia dijamin oleh Islam  
D menyembah dan mentaati Allah s.w.t.
- 3 Hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam ialah \_\_\_\_\_  
I Kebebasan bersuara  
II Kebebasan berhimpun  
III Kebebasan memiliki harta  
IV Memelihara kehormatan  
  
A I,II dan III  
B I,II dan IV  
C I,III dan IV  
D II,III dan IV
- 4 Antara bukti Islam bersifat 'Alamiyyah dalam bidang sosial ialah  
A setiap amalan akan diberi balasan  
B membela kebenaran dan menentang kebatilan  
C setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya  
D kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing
- 5 Berikut adalah contoh-contoh perbuatan masyarakat yang melanggar hak asasi manusia **kecuali** \_\_\_\_\_  
A mengganggu ketenteraman awam  
B penderaan terhadap kanak-kanak dan orang tua  
C membunuh atau menghilangkan nyawa seseorang tanpa hak  
D mengutamakan keamanan dan mengekalkan kesejahteraan manusia

*Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.*

mazmumah	alamiyyah	mahmudah
fikrah	fitrah	taqwa

- 6 Bagi mengekalkan keharmonian hidup, Islam menganjurkan umatnya memiliki sifat \_\_\_\_\_

- 7 Ajaran agama Islam amat sesuai dengan\_\_\_\_\_ kejadian manusia
- 8 Sifat\_\_\_\_\_ dalam Islam menjamin hak-hak asasi manusia keseluruhannya.
- 9 Islam menganggap semua manusia adalah setaraf tanpa membezakannya di antara satu sama lain kecuali penilaian\_\_\_\_\_ di sisi Allah s.w.t.

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang *BETUL*.

Tandakan ( ✕ ) pada pernyataan yang *SALAH*.

- 10 Ajaran Islam sesuai dengan fitrah manusia dan tidak membebankan .
- 11 Orang bukan Islam dijamin hak dan kebebasan jika mereka tinggal di dalam Negara Islam
- 12 Islam agama yang diutuskan melalui Rasulullah s.a.w hanya sesuai diamalkan pada zaman Rasulullah sahaja.
- 13 Mengamalkan kebebasan dalam kehidupan tanpa batasan adalah bukti ajaran Islam bersifat alamiyyah

<b>JAWAPAN PELAJARAN 13</b>				
1	D	6	mahmudah	13
2	D	7	fitrah	
3	C	8	Alamiyyah	
4	D	9	taqwa	
5	D	10	✓	
		11	✓	
		12	X	
		13	X	

KERTAS 2

- 1 a (i) Senaraikan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [4 markah]

---



---



---



---

- (ii) Islam yang bersifat sarwajagat mementingkan keadilan dan kebajikan dengan memastikan kebebasan hak asasi manusia terjamin. [4 markah]  
 Buktikan **dua** hak asasi manusia yang diamalkan dalam negara Malaysia.

---



---



---



---

- b (i) Bagaimanakah cara anda mencegah amalan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dalam kalangan rakan kelas anda. [2 markah]

---



---



---

PERATURAN PEMARKAHAN

1	a	(i)	Empat hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebebasan beragama</li> <li>- Kebebasan bersuara</li> <li>- Kebebasan memiliki harta</li> <li>- Melindungi nyawa</li> <li>- Memelihara kehormatan</li> <li>- Memelihara harta benda</li> </ul>	1x4M [4 markah]
		(ii)	Dua hak asasi manusia yang diamalkan dalam negara Malaysia. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Negara malaysia memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk mengmalkan agama masing-masing</li> <li>- Rakyat Malaysia diberi kebebasan untuk bersuara</li> <li>- Rakyat Malaysia diberi Kebebasan memiliki harta</li> <li>- Semua rakyat Malaysia akan dilindungi nyawa mereka</li> <li>- Rakyat Malaysia berhak memelihara kehormatan masing-masing</li> <li>- Rakyat Malaysia berhak berhak memelihara harta benda sendiri</li> <li>- Rakyat Malaysia berhak hidup dalam keadaan aman</li> </ul>	2x2M [4 markah]

	b	<p>(i) Cara saya mencegah amalan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dalam kalangan rakan kelas saya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Saya akan melaporkan kepada guru/ ustaz/ustazah/ kaunselor/ guru disiplin / dengan segera/ <b>(I)</b> supaya kegiatan itu dapat dibendung /<b>(H)</b></li> <li>- Saya akan menasihati mereka dengan baik/ <b>(I)</b> agar mereka mengubah sikap/ <b>(H)</b></li> <li>- Saya akan menjauhkan diri dari terlibat dengan kumpulan tersebut/ <b>(I)</b> agar tidak terjebak /<b>(H)</b></li> </ul>	<p>1x2M [2 markah]</p>
--	---	--	----------------------------

PELAJARAN 14            **MURUNAH**

- 1     Murunah ialah \_\_\_\_\_.
- A     agama yang praktikal
  - B     boleh berubah mengikut kehendak
  - C     boleh berubah mengikut kesesuaian
  - D     agama yang lengkap dan sempurna
- 2     Berikut adalah prinsip murunah **kecuali** \_\_\_\_\_
- A     Islam agama yang mudah
  - B     Islam agama yang sempurna
  - C     Dilaksanakan mengikut keadaan
  - D     Dilaksanakan mengikut kemampuan individu
- 3     Pernyataan yang benar tentang prinsip Murunah ialah
- A     Puasa Ramadan boleh ditinggalkan di siang hari
  - B     Ibadat solat boleh diringankan ketika sibuk atau musafir
  - C     Kewajipan melakukan ibadat haji yang menepati syarak
  - D     Islam membenarkan umatnya berfesyen yang menepati syarak

- 4     

Zuri telah mengikuti rombongan sekolahnya ke Kelantan. Jarak perjalanannya lebih kurang 200 km. Beliau telah mengerjakan solat Zohor dan Asar secara Jamak dan Qasar.
---

Situasi di atas merujuk kepada konsep

- A     Murunah
  - B     Alamiyyah
  - C     Syumuliyyah
  - D     Rabbaniyyah
- 5     Situasi berikut bersesuaian dengan konsep Murunah **kecuali**
- A     Berpuasa walaupun memudaratkan diri
  - B     Melakukan solat secara duduk ketika sakit
  - C     Mempelbagaikan fesyen yang menepati syarak
  - D     Menghimpunkan solat Zohor dan Asar ketika musafir
- 6     Kelebihan sifat murunah ialah
- i     menarik minat orang bukan Islam
  - ii    memastikan sifat riak berkembang
  - iii    memastikan kesinambungan ajaran Islam
  - iv    menunjukkan sifat toleransi dan berhemah
- A     i, ii dan iii
  - B     i, ii dan iv
  - C     i, iii dan iv
  - D     ii, iii dan iv



**BAHAGIAN B**

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Murunah

Rukhsah

Thabat

Syumuliyah

7 Luwes atau anjal iaitu berubah mengikut kesesuaian.

8 Kelonggaran dan kemudahan dalam melaksanakan ibadat.

**Soalan 10 hingga soalan 11**

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Hadis

anjal

Thabat

Rukhsah

akidah

9. Murunah bermaksud luwes atau \_\_\_\_\_ iaitu berubah mengikut kesesuaian.

10. \_\_\_\_\_ ialah kelonggaran dan kemudahan dalam melaksanakan ibadat.

<b>JAWAPAN PELAJARAN 13</b>				
1	C	6	C	10
2	B	7	Murunah	
3	D	8	Rukhsah	
4	A	9	Anjal	
5	A	10	Rukhsah	

**Kertas 2**

1 Nyatakan pengertian murunah

\_\_\_\_\_ 1x2m=2m  
 \_\_\_\_\_

2 Nyatakan **dua** prinsip murunah

i. \_\_\_\_\_  
 ii. \_\_\_\_\_ 2x2m=4m

3 Jelaskan dua kelebihan sifat murunah.

i. \_\_\_\_\_  
 ii. \_\_\_\_\_ 2x2m=4m

1	Murunah bermaksud luwes atau anjal, iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap atas prinsip asasnya
2	Dua prinsip murunah ialah; - Islam agama yang mudah - Islam dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan.
3	Dua kelebihan sifat murunah ialah; - Menunjukkan sifat toleransi dan hikmahnya Islam - Menarik minat orang Islam untuk memahami ajaran Islam - Menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah s.w.t dengan sempurna.

**PELAJARAN 7 ASAS DAN PERTIMBANGAN PENYELESAIAN MASALAH MENURUT ISLAM**

- 1 Pilih pernyataan yang menerangkan matlamat penyelesaian masalah terhadap masyarakat
- i Hidup dengan aman dan selesa
  - ii Membangkitkan keadilan
  - iii Melahirkan semangat bekerjasama
  - iv Membangkitkan semangat untuk berusaha
- A i, ii dan iii  
B i, ii dan iv  
C i, ii dan iv  
D ii, iii dan iv

- 2 \* Islam telah mengamalkan pelbagai hukum dan peraturan.  
\* Islam menyediakan balasan atas semua perbuatan.

Pernyataan di atas berkaitan dengan:

- A Penyelesaian masalah  
B Sumber penyelesaian masalah  
C Matlamat penyelesaian masalah  
D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah
- 3 Mengapakah penyelesaian masalah mesti dilakukan secara Islam?
- A Masalah tidak berulang  
B Masalah tidak menjadi lebih teruk  
C Masalah dapat diselesaikan dengan mudah  
D Masalah dapat diselesaikan secara menyeluruh

1. Al Quran
2. Al Hadis
3. Al Ijmak
4. Al Qias

- 4 Perkara di atas berkaitan dengan
- A Sumber penyelesaian masalah  
B Langkah penyelesaian masalah  
C Matlamat penyelesaian masalah  
D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah

5 Nyatakan sumber sampingan penyelesaian masalah menurut Islam selain daripada sumber yang telah disepakati ulama.

- i Uruf
- ii Sanad
- iii Al-Istihsan
- iv Al-Masalihul Mursalah

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii,iii dan iv

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.Tandakan ( x ) pada pernyataan yang SALAH.

6 Al-Quran merupakan sumber penyelesaian masalah yang ketiga dalam Islam. ( )

7 Islam dapat menyelesaikan semua masalah kehidupan manusia di dunia ( )

*Tulliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan*

8 Islam menyediakan balasan atas semua \_\_\_\_\_ manusia, sama ada di dunia dan di akhirat.

9 Kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Allah SWT merujuk kepada penyelesaian masalah berasaskan \_\_\_\_\_

10 Kesepakatan ulama dalam menentukan sesuatu hukum. \_\_\_\_\_

<b>JAWAPAN PELAJARAN 7</b>				
1	A	6	X	10
2	D	7	✓	
3	D	8	perbuatan/perlakuan	
4	A	9	akidah	
5	C	10	Al-ijmak	

**KERTAS 2**

**1** (a) (i) Nyatakan **dua** matlamat penyelesaian masalah secara Islam. [2 markah]

.....

.....

(b) Terangkan **dua** bukti Islam mampu menyelesaikan masalah [4 markah]

.....

.....

(c) (i) Jelaskan **dua** matlamat penyelesaian masalah terhadap individu. [4 markah]

.....

.....

<b>1</b>	(a)	(i)	Matlamat penyelesaian masalah ialah : – Menambahkan keimanan terhadap Allah s.w.t. – Melahirkan semangat bekerjasama. – Memajukan negara dari segi ekonomi /politik / sosial.	[2 markah]
	(b)		Bukti-bukti Islam mampu menyelesaikan masalah – Islam mengharamkan zina ( <b>I</b> ) untuk mengelak anak luar nikah ( <b>H</b> ) – Islam mengharuskan perkahwinan ( <b>I</b> ) untuk melahirkan zuriat yang bersih ( <b>H</b> ) – Islam mengenakan hukuman potong tangan ( <b>I</b> ) untuk menyelesaikan masalah kecurian.( <b>H</b> )	[4 markah]
	(c)	(i)	Matlamat penyelesaian masalah terhadap individu ialah : – Menambah keyakinan kepada Allah SWT. – Memberi ketenangan dalam kehidupan. – Membangkitkan semangat untuk berusaha.	[4 markah]